

KSU baru bagi 3 kementerian

BH - 13/10/2006

KSN turut umum pelantikan ketua setiausaha suruhanjaya, pengarah bahagian

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Timbalan Ketua Setiausaha 1 Kementerian Pengangkutan, Datuk Zakaria Bahari dilantik Ketua Setiausaha kementerian itu berkuat kuasa hari ini menggantikan Datuk Muhammad Safaruddin Muhammad Sidek yang bersara wajib 8 Oktober lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohamed Sidek Hassan dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, semalam, turut mengumumkan pelantikan dua orang lagi sebagai ketua setiausaha kementerian dan masing-masing seorang sebagai setiausaha suruhanjaya serta pengarah bahagian pada peringkat jabatan.

Zakaria, 54, memulakan karier dalam perkhidmatan awam pada 19 September 1977 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan.

Beliau kemudian memegang beberapa jawatan lain iaitu Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan; Ketua Penolong Setiausaha di Kementerian Pengangkutan; Ketua Projek, Pasukan Projek Sistem Pengawasan Laut Perairan Malaysia, Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Setiausaha Bahagian, Bahagian Maritim dan Pelesenan Kapal Dalam

Negeri, Kementerian Pengangkutan.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha 1, Kementerian Pengangkutan pada 1 Ogos 2005.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Mohd Yasin Mohd Salleh, 54, pula dilantik Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan bermula 26 Oktober 2006 menggantikan Datuk Mohd Arif Abu Bakar yang bersara wajib pada tarikh sama.

Mohd Yasin memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada 17 Oktober 1977 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pertanian dan memegang beberapa jawatan sebelum dilantik Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada 23 Mac 2006.

Antara jawatan yang dipegangnya sebelum ini ialah Penolong Setiausaha dan Ketua Penolong Setiausaha (Antarabangsa) di Kementerian Pertanian; Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi, JPM; Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan; Setiausaha Sulit Kanan kepada Timbalan Perdana Menteri, JPM; Ketua Penolong Pengarah, Sektor Pentadbiran dan Keselamatan, Bahagian Pembangunan Organisasi, serta Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ketua Pengarah, Perbadanan Ke-

majuan Kraftangan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Zakiah Ahmad pula dilantik sebagai Ketua Setiausaha di kementerian sama bermula 29 Oktober 2006 menggantikan Datuk Siti Azizah Sheikh Abod yang tamat kontrak pada 28 Oktober ini.

Zakiah, 55, memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada 5 Ogos 1974 sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Lembaga Perpaduan Negara, JPM dan menjadi Ketua Pengarah, Perbadanan Kemajuan

Kraftangan Malaysia pada 1 Januari 2002.

Jawatan yang pernah dipegangnya ialah Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perjawatan dan Pentadbiran, JPM; Ketua Unit Penyelarasan Pindaan, Jabatan Pendaftaran Negara; Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Gaji dan Elaun, JPA; Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, serta Setiausaha Bahagian, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Kementerian Penerangan.

Sementara itu Pengarah, Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidma-

tan Awam, Puan Sri Zaiton Mhad Ali dilantik sebagai Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai 26 Oktober 2006 menggantikan Mohd Yasin.

Zaiton, 51, memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada 26 November 1979 sebagai Penolong Setiausaha, Bahagian Pentadbiran, Perbendaharaan.

Beberapa jawatan yang dipegangnya selepas itu ialah sebagai Ketua Penolong Pengarah dan Timbalan Pengarah, Bahagian Gaji dan Elaun, JPA sebelum dilantik pengarah bahagian itu pada 3 November 2004.

Timbalan Pengarah (Gaji dan Penyelidikan) Bahagian Gaji dan Elaun, JPA, Yap Kin Sian, 51, dilantik sebagai Pengarah di Bahagian dan Jabatan sama mulai 26 Oktober menggantikan Zaiton.

Yap memulakan karier dalam Perkhidmatan Awam pada 1 Disember 1979 sebagai Penolong Pengarah di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia.

Beliau kemudian memegang beberapa jawatan iaitu sebagai Penolong Pengarah Kanan, Pemodenan Tadbiran Persekutuan, Unit Pemodenan dan Perancangan Tenaga Manusia serta Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Dasar, Bahagian Saraan, JPA. Beliau dilantik Timbalan Pengarah (Gaji dan Penyelidikan) Bahagian Gaji dan Elaun pada 20 Februari 2002.